



KETUA SETIAUSAHA
(Secretary General)

KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN
(Ministry of Housing and Local Government Malaysia)

Aras 18


No. 51, Persiaran Perdana, Presint 4
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62100 Putrajaya, MALAYSIA

Tel : +(6)03 - 8891 5003
Faks : +(6)03 - 8891 5558

Rujukan : JPBD(IP)S.185/9/10 Jld. 13 (2)

Tarikh : **22** Mac 2012

Seperti di Senarai Edaran



Y.Bhg. Dato'/ Tuan/ Puan,

MAKLUMAN BERKENAAN KETETAPAN MENGENAI ORANG YANG LAYAK UNTUK MENYEDIA DAN MENGEMUKA PELAN SERTA DOKUMEN UNTUK KEBENARAN MERANCANG

Dengan hormatnya saya merujuk perkara di atas dan surat ketetapan yang telah diedarkan kepada semua Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri [Rujukan : JPBD(S)185/9/10 Jld. 12 (33)] bertarikh 22 Julai 2011 serta surat Ketua Pengarah Jabatan Perancangan Bandar dan desa Semenanjung Malaysia [Rujukan : JPBD(IP)S.185/9/10 Jld.12 (45)] bertarikh 5 Januari 2012.

2. Sukacita dimaklumkan, selaras dengan peruntukan sedia ada di bawah seksyen 21c Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 [Akta 172], Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) telah memutuskan, orang yang layak menyediakan pelan serta dokumen untuk kebenaran merancang adalah seperti berikut:

- (i) Orang yang menyediakan dan mengemuka pelan serta dokumen untuk kebenaran merancang adalah tertakluk kepada peruntukan undang-undang sedia ada sepertimana ditetapkan di bawah seksyen 21c Akta 172; dan
- (ii) Pihak Berkuasa Negeri (PBN) hendaklah menetapkan kelayakan bagi orang yang dinyatakan di bawah subseksyen 21c(a) Akta 172, melalui pewartaan kaedah-kaedah di bawah perenggan 58(2)(h) Akta 172, dengan kadar segera bagi mewujudkan keseragaman dalam pelaksanaan proses kebenaran merancang di peringkat Pihak Berkuasa Perancang Tempatan (PBPT).


3. Sehubungan ini, bagi tujuan penyelarasan di peringkat Negeri, PBN disarankan agar dapat menyediakan kaedah-kaedah menurut perenggan 58(2)(h) bagi memastikan proses kebenaran merancang yang lebih teratur dapat dilaksanakan oleh Pihak Berkuasa Tempatan.

Sekian, terima kasih.

“ BERKHIDMAT UNTUK NEGARA ”

“ 1Malaysia: Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan ”

Yang Ikhlas,


(DATUK SERI AHMAD HAJI KABIT)
